

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) akan menyertai 15 acara dalam Sukan Staf Antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) ke-30 daripada 23 acara yang dipertandingkan pada 14 hingga 21 Mei di Universiti Malaya (UM).

Pasukan UUM akan mengambil bahagian dalam acara bolasepak, bola jaring, sepak takraw, tenis campuran, bowling (lelaki dan wanita), karom campuran, bola tampar lelaki, catur campuran, badminton campuran, lawn bowls (lelaki dan wanita), ping pong lelaki, bola sepak veteran dan golf jemputan.

Kontingen UUM melibatkan 193 orang terdiri 119 atlet lelaki, 39 wanita dan 35 pegawai pasukan.

Menurut Pegawai Belia dan Sukan UUM, Norizan Md Isa, pasukan bola-sepak, bolasepak veteran dan tempin bowling wanita akan cuba mempertahankan kejayaan yang dimenangi tahun lalu.

"Manakala pasukan sepak takraw, bola jaring, badminton campuran, karom campuran, yang hanya mam-

UUM SASAR 15 EMAS

15/4/05
55:3

SUKAN STAF ANTARA IPTA

pu menyandang tempat kedua tahun lalu akan bekerja keras mendapatkan pingat emas kali ini," katanya.

Jelas beliau lagi, semua pasukan sedang menjalani latihan intensif bagi memastikan UUM dapat memenangi 15 pingat emas.

"Kejohanan tahunan ini bertujuan memberi peluang kepada staf IPTA menunjukkan kebolehan ma-

sing-masing di samping mencungkil bakat-bakat baru dalam dunia sukan.

"Malah secara tidak langsung akan mewujudkan semangat juang dan daya tempur setiap peminat yang mewakili universiti dalam memastikan IPTA masing-masing dinobatkan sebagai juara keseluruhan," kata Norizan lagi.

Latihan intensif buah hasil

Latihan intensif selama sembulan hari di bawah bimbingan jurulatih, Mohd Azmi Mt Zin dan Mohd. Fairus Abd Majid menjadikan pasukan Slat Seni Cayong Malaysia Universiti Utara Malaysia (UUM) berjaya merangkul empat emas dalam Kejohanan Slat Seni Gayong Malaysia Rakan Waja Diri Inter-Varsiti 2005 di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan pada 12 April lalu.

Dekan (Pembangunan Pelajar) UUM, Dr Ahmad Martadha Mohamed berkata kejayaan ini dijadikan pencetus semangat untuk mengharumkan lagi nama universiti bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah antarabangsa.

"Saya berharap lebih ramai pelajar universiti ini khususnya di kalangan wanita melibatkan diri dalam aktiviti sebegini bagi mem-

pertahankan diri masing-masing," kata Dr Ahmad Martadha. Semua pingat emas itu dipungut melalui kategori Seni Tari Bunga Tanjung (lelaki dan wanita), Pentas Pisau (lelaki) dan Pentas Keris (wanita).

Pasukan itu turut memenangi dua perak melalui kategori Gerakan Rajawali bagi lelaki dan Seni Serangan Maut Kombal (wanita) manakala tiga gangsa dalam kategori lelaki menerusi Pentas Keris, Jurus Gerak dan Lompatan.

Kejayaan itu membawa mereka munculi naib juara di belakang UiTM Shah Alam yang menduduki tempat pertama dengan hanya kelebihan satu perak.

UiTM Shah Alam memperoleh 4 emas, 3 perak dan 3 gangsa, manakala UiTM Cawangan Kelantan 3 emas, 5 perak 3 gangsa, ketiga-